



## SOALAN LAZIM

### TEMPOH PELANJUTAN MASA UNTUK EDARAN DAN SERAH SIMPAN PENYATA KEWANGAN

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah tujuan inisiatif ini diumumkan?	Untuk membolehkan syarikat menyediakan penyata kewangan dan menyempurnakan dokumen-dokumen statutori berkaitan serta firma-firma audit boleh menyiapkan tugas yang tertanggung dalam jangka waktu yang lebih selesa.
2.	Merujuk kepada perenggan 12 (a) dan (ba) Arahan Amalan 6/2020 "...companies having financial year ending <b>AFTER</b> 31 August 2019 to 31 December 2019", bolehkah syarikat dengan tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2019 memohon lanjutan masa di bawah inisiatif ini?	Tidak. Syarikat dengan tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2019 tidak layak membuat permohonan di bawah inisiatif ini.  Hanya syarikat dengan tahun kewangan berakhir mulai 1 September 2019 sehingga 31 Disember 2019 yang boleh memohon lanjutan masa di bawah inisiatif ini.
3.	Bilakah sesebuah syarikat boleh mula memohon bagi pelanjutan masa edaran dan serah simpan penyata kewangan di bawah inisiatif ini?	Syarikat dengan tahun kewangan berakhir 1 September 2019 sehingga 31 Disember 2019 boleh memohon lanjutan masa di bawah inisiatif ini bermula daripada 9 April 2020 sehingga 30 Jun 2020.
4.	Adakah bayaran bagi permohonan lanjutan masa bagi edaran dan serah simpan penyata kewangan ini dikenakan seperti lazimnya?	Tidak, bayaran untuk permohonan lanjutan masa bagi edaran dan serah simpan penyata kewangan ini akan dikecualikan dan tidak perlu dibuat.
5.	Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan lanjutan masa ini?	Permohonan hanya boleh dibuat dengan menghantar permohonan melalui emel kepada <a href="mailto:eot@ssm.com.my">eot@ssm.com.my</a> . Kandungan

	Bolehkah permohonan dibuat melalui sistem MBRS atau kaunter SSM?	permohonan emel tersebut perlu mengikut format emel yang disediakan di dalam Apendiks A.
6.	Bolehkah syarikat persendirian (sendirian berhad) memohon lanjutan masa di bawah inisiatif ini?	Boleh. Permohonan ini terpakai bagi kedua-dua syarikat awam dan syarikat sendirian berhad.
7.	Syarikat dengan tahun kewangan berakhir bilakah yang boleh memohon pelanjutan masa yang dimaksudkan di bawah inisiatif ini?	Permohonan boleh dibuat oleh syarikat yang mempunyai tahun kewangan berakhir 1 September 2019 sehingga 31 Disember 2019.
8.	Berapa lamakah lanjutan masa yang akan diberi bagi tujuan pelanjutan masa edaran dan serah simpan penyata kewangan di bawah inisiatif ini?	<p>Lanjutan masa yang diberi ialah selama sembilan puluh (90) hari daripada tarikh akhir edaran dan serah simpan penyata kewangan sepatutnya dibuat pada asalnya. Sila rujuk contoh di bawah:</p> <p>Contoh</p> <p>Tahun kewangan berakhir: 30/9/2019  Tarikh akhir edaran penyata kewangan: 31/3/2020  Tarikh akhir serah simpan penyata kewangan: 30/4/2020</p> <p>Inisiatif COVID-19 dengan lanjutan masa 90 hari -  Tarikh akhir yang baharu bagi edaran penyata kewangan: 29/6/2020  Tarikh akhir yang baharu bagi serah simpan penyata kewangan: 29/7/2020</p>
9.	Syarikat saya mempunyai tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019 yang telahpun diberi lanjutan masa untuk edaran dan serah simpan penyata kewangan sebelum tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bermula. Bolehkah syarikat saya turut memohon lanjutan masa di bawah inisiatif ini?	Syarikat yang telah diberi lanjutan masa oleh SSM sebelum tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bermula dengan tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019 sehingga 30 September 2019 boleh memohon lanjutan masa di bawah inisiatif ini. Fi yang telah dibayar bagi permohonan yang dibuat sebelum tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bermula tidak akan dikembalikan.
10.	Bolehkah permohonan dibuat oleh Pengarah Syarikat.	Tidak boleh. Permohonan perlu dibuat oleh setiausaha syarikat.

11.	Apakah contoh dokumen atau proses yang menyebabkan terdapat keperluan pelanjutan masa?	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Penyediaan Penyata Kewangan.</li> <li>(b) Penyediaan Laporan Pengarah.</li> <li>(c) Proses pengauditan serta penyediaan Laporan Juruaudit.</li> <li>(d) Pengedaran Penyata Kewangan kepada pemegang saham.</li> <li>(e) Pembentangan Penyata Kewangan di mesyuarat Agung Tahunan.</li> </ul>
12.	Bolehkah satu emel mengandungi banyak permohonan?	<p>Satu emel boleh mengandungi sehingga maksimum 10 permohonan. Anda boleh merujuk kepada arahan di dalam Apendiks A.</p>
13.	Apakah status permohonan saya melalui emel ke <a href="mailto:eot@ssm.com.my">eot@ssm.com.my</a> untuk pelanjutan masa sekiranya saya tidak menerima maklumbalas dari SSM?	<p>Permohonan pelanjutan masa yang telah dipohon dan <b>tidak menerima emel auto reply dari SSM akan dianggap DILULUSKAN sekiranya memenuhi SYARAT</b> sepertimana yang dinyatakan dalam PD 6/2020 termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Bagi permohonan untuk pelanjutan masa edaran dan serah simpan Penyata Kewangan di bawah seksyen 259(2) Akta Syarikat 2016, permohonan anda adalah diluluskan secara automatik selama 90 hari daripada tarikh akhir edaran dan tarikh akhir serah simpan penyata kewangan yang sepatutnya sekiranya permohonan anda memenuhi syarat berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Syarikat dengan tahun kewangan berakhir selepas 31 Ogos 2019 sehingga 31 Disember 2019; atau</li> <li>(ii) Syarikat yang telah diberikan kelulusan pelanjutan masa edaran dan serah simpan penyata kewangan bagi tahun kewangan 30 Jun 2019 sehingga 30 September 2019 oleh SSM sebelum tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bermula.</li> </ul> </li> <li>(b) Bagi permohonan untuk pelanjutan masa mengadakan Mesyuarat</li> </ul>

		<p>Agung Tahunan (AGM) di bawah seksyen 340 Akta Syarikat 2016, permohonan anda dengan ini diluluskan secara automatik selama 90 hari daripada tarikh akhir AGM syarikat yang sepatutnya diadakan sekiranya permohonan anda memenuhi syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(i) Syarikat awam dengan tahun kewangan berakhir selepas 31 Ogos 2019 sehingga 31 Disember 2019; atau</li><li>(ii) Syarikat awam yang telah diberikan kelulusan lanjutan masa mengadakan AGM oleh SSM sebelum tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bermula dan mempunyai tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019 sehingga 30 September 2019.</li></ul> <p>Sila ambil maklum permohonan yang <b>tidak memenuhi</b> syarat-syarat yang ditetapkan dalam PD 6/2020 adalah <b>TIDAK DILULUSKAN DAN TIADA NOTIFIKASI EMEL</b> akan dihantar.</p> <p><b><i>Sila simpan salinan emel permohonan pelanjutan masa anda untuk tujuan rujukan SSM kelak untuk permohonan yang layak.</i></b></p>
--	--	--

Tarikh: 21 Mei 2020

## APENDIKS A

**Sila salin format ini ke dalam emel anda dan lengkapkan semua butiran yang diperlukan. Jangan lampirkan dokumen dalam emel anda sekiranya permohonan itu adalah untuk lima (5) syarikat atau kurang.**

**Sekiranya permohonan adalah untuk enam (6) sehingga maksimum 10 syarikat, anda boleh melampirkan maklumat di dalam dokumen dan emelkan kepada SSM terhadap kepada maksimum 10 syarikat di dalam satu lampiran sahaja bagi setiap emel. Semua permohonan mesti mengikut format di bawah.**

### LANJUTAN MASA INISIATIF COVID-19

PERMOHONAN LANJUTAN MASA UNTUK \*EDARAN PENYATA DAN LAPORAN KEWANGAN/ \*\* MENGADAKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM) / \* SERAH SIMPAN PENYATA DAN LAPORAN KEWANGAN. (Sila padam mana-mana yang tidak berkenaan.)

Nama Syarikat:

Nombor Syarikat:

Tahun Kewangan Berakhir:

Tarikh akhir edaran Penyata Kewangan (PK) yang sepatutnya:

Tarikh AGM yang sepatutnya:

Tarikh akhir serah simpan PK yang sepatutnya:

Tarikh edaran PK selepas Inisiatif Covid-19 (lanjutan masa 90 hari):

Tarikh AGM selepas Inisiatif Covid-19 (lanjutan masa 90 hari):

Tarikh serah simpan PK selepas Inisiatif Covid-19 (lanjutan masa 90 hari)

Nama setiausaha syarikat:

Nombor lesen/nombor keahlian:

Nombor Sijil Amalan SSM:

Nota: Semua tarikh mesti menggunakan format **dd/mm/yyyy**.

\* - Anda boleh memohon lanjutan masa untuk satu atau semua inisiatif (yang mana terpakai untuk syarikat anda).

\*\* - Lanjutan masa mengadakan AGM hanya terpakai kepada syarikat awam sahaja.